



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - AHAD, 7 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PMR KEDAH TAWAR UJIAN KESIHATAN MENTAL, MAMOGRAM DAN HPV DNA PERCUMA		POSITIF
	https://thesun.my/cerita/berita/pmr-kedah-tawar-ujian-kesehatan-mental-mamogram-dan-hpv-dna-percuma-HO14839952	THESUN.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/free-mental-health-and-cancer-screenings-at-kedah-madani-rakyat-programme-PJ14840096	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KERAJAAN DISARAN PERTIMBANG SUBSIDI YURAN TASKA DUA HALA		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/746757/berita/nasional/kerajaan-disaran-pertimbang-subsidi-yuran-taska-dua-hala	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JHEAINS AKAN BANTU URUS JENAZAH DUA KANAK-KANAK LEMAS SELEPAS KENAL PASTI STATUS AGAMA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jheains-akan-bantu-urus-jenazah-dua-kanak-kanak-lemas-selepas-kenal-pasti-status-agama	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2464518	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/06/negeri-sembilan-islamic-dept-burial-arrangements-for-sg-linggi-drowned-children-await-faith-confirmation/190224	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/112444/ngos-ready-to-bury-siblings-who-drowned-in-sungai-linggi-amid-unclear-religious-status	THEVIBES.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/746794/berita/semasa/jheains-akan-bantu-urus-jenazah-dua-beradik-lemas-selepas-kenal-pasti-status-agama	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/06/jheains-bantu-urus-jenazah-2-beradik-lemas-selepas-kenal-pasti-status-agama	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/jheains-bantu-urus-jenazah-dua-kanak-kanak-lemas-selepas-semak-status-agama-OO14839896	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jheains-akan-bantu-urus-jenazah-dua-beradik-lemas-selepas-kenal-pasti-status-agama-537393	ASTROAWANI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/09/1260853/jheains-urus-jenazah-dua-beradik-selepas-status-agama-disahkan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2464519	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/jheains-verifies-religious-status-of-children-drowned-in-sungai-linggi-EJ14840242	THESUN.MY	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/jheains-sedang-kenal-pasti-status-agama-dua-beradik/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.youtube.com/watch?v=fRjY8aREwKk	YOUTUBE	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BEKAS SUAMI ISTERI SALING MENUDUH DERA, LARIKAN ANAK		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/09/06/bekas-suami-isteri-saling-menuduh-dera-larikan-anak/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	WANITA DITIPU BOMOH, DIPAKSA HANTAR VIDEO SEKS DAN RUGI RM103,000		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/wanita-ditipu-bomoh-dipaksa-hantar-video-seks-dan-rugi-rm103000/	UTUSAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/wanita-rugi-rm103,000-diperdaya-bomoh-scammer	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-rugi-rm103000-diperdaya-lelaki-menyamar-bomoh/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1442859/bomoh-scammer-perdaya-ibu-tunggal-rakam-video-hubungan-seks-serah-gambar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/746798/berita/semasa/ibu-tunggal-diperdaya-bomoh-online-wang-dan-barang-kemas-rm103000-ghaib	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/06/ibu-tunggal-diperdaya-bomoh-serah-video-gambar-tanpa-seurat-benang/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/754352	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1260839/bomoh-perdaya-wanita-hingga-serah-rm103000-gambar-bogel	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tukang-jahit-rugi-rm103000-serah-gambar-bogel-kepada-bomoh-scammer-537392	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/09/06/ibu-tunggal-dakwa-dipukau-rugi-lebih-rm100000-ditipu-bomoh-mistik/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://beautifulnara.com/mahu-rawat-sihir-wanita-terpedaya-rugi-rm103k-serah-gambar-bogel-pada-bomoh-scammer/	BEAUTIFULNARA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/06/bomoh-scammer-dupes-terengganu-woman-of-rm103000-in-cash-jewellery-with-fake-mystical-healing-promise/190210	MALAYMAIL.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PMR Kedah tawar ujian kesihatan mental, mamogram dan HPV DNA percuma

theSun Berita

2025-09-06 01:41 PM



Sebahagian pengunjung tidak melepaskan peluang melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma di reruai Kementerian Kesihatan Malaysia sempena Program MADANI Rakyat 2025 Kedah di Kompleks Sukan Majlis Daerah Baling hari ini. - BERNAMA

BALING: Reruai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menjadi tumpuan pengunjung pada hari terakhir Program MADANI Rakyat (PMR) Kedah di Kompleks Sukan Majlis Daerah Baling.

Orang ramai mengambil peluang menjalani Ujian Saringan Minda Sihat (DASS) bersama ujian mamogram dan saringan kanser serviks (HPV DNA) yang disediakan secara percuma.

Pengunjung Wan Anas Fitri Mohd Nordin berkata beliau mengambil kesempatan menjalani DASS untuk menilai tahap kesihatan mentalnya.

"Ujian seperti ini sepatutnya dilakukan awal supaya bantuan dapat dicari lebih awal dan perkara tidak diingini dapat dielakkan."

"Tekanan mental umpama bom jangka; jika dipendam terlalu lama, ia boleh meletup dan pada masa itu sudah terlambat," katanya.

Beliau hadir ke program itu bersama ahli keluarga dan turut meninjau pelbagai reruai untuk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan agensi kerajaan.

Pengunjung Norsahila Yaakob berkata ujian DASS amat bermanfaat kerana banyak kejadian penderaan, buli dan jenayah lain berkait rapat dengan tekanan mental.

"Setiap individu perlu mengetahui tahap tekanan mental masing-masing supaya ia mudah diurus."

"Dengan mengetahui keadaan diri, kita boleh mengambil langkah menstabilkannya, termasuk mendapatkan bantuan pakar," katanya.

Beliau turut tertarik menjalani pemeriksaan mamogram dan HPV DNA percuma yang disediakan di reruai tersebut.

"Di kawasan pedalaman seperti Baling, tidak banyak maklumat sampai terus kepada masyarakat."

"Hari ini, kaum wanita khususnya dapat menikmati khidmat ini secara percuma," tambahnya.

Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan KPWK Mohd Hanapi Mohammad Hanipah berkata pelbagai perkhidmatan pemeriksaan kesihatan disediakan secara percuma pada PMR kali ini.

"Mungkin ramai mengambil mudah tahap kesihatan mereka, sama ada berkaitan tekanan mental atau kanser yang sering menjejaskan wanita."

"Hari ini, orang ramai berpeluang berjumpa terus dengan kami dan mendapatkan khidmat yang disediakan," katanya. - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan disaran pertimbang subsidi yuran taska dua hala



NURHIDAYAH HAIROM

Follow

06 September 2025 07:40am



Gambar dari kiri: Khairul Afnan, Mahzura, Syarifah Farhana, Farhana

SHAH ALAM - Kerajaan disaran mempertimbangkan subsidi yuran taska secara dua hala iaitu terus kepada taska berdaftar bagi memastikan semua ibu bapa dapat menerima manfaat sama rata, dalam masa sama menyalurkan sebahagian subsidi secara tunai kepada ibu bapa yang layak.

Perunding takaful, Farhana Ahmad Khair, 38, berkata, subsidi yang disalurkan dua hala secara tidak langsung menguntungkan kedua-dua pihak.

Menurutnya, kerajaan wajar mempertimbangkan jumlah subsidi sekurang-kurangnya RM200 kepada ibu bapa dan RM150 hingga RM250 kepada pihak taska berdaftar untuk seorang bayi.

"Gabungan subsidi terus kepada ibu bapa secara tunai dan subsidi taska lebih baik.

"Jadi, kos bulanan ditanggung ibu bapa lebih rendah, dalam masa sama taska dapat bertahan dengan kualiti lebih baik," katanya kepada Sinar Harian pada Jumaat.

Terdahulu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kerajaan bersetuju mempertimbang langkah meneliti semula Subsidi Yuran Pengasuhan untuk memastikan kos penjagaan bayi tidak terlalu membebankan ibu bapa serta pengusaha taska di seluruh negara.

Bagaimanapun, beliau berpandangan, pemberian geran secara berterusan bukanlah penyelesaian lestari kerana taska merupakan entiti perniagaan berdaftar.

Justeru katanya, kementerian berpandangan penyaluran subsidi terus kepada ibu bapa lebih berkesan kerana manfaat dapat sampai terus kepada kumpulan sasar.

Selain itu, Nancy berkata, kementerian juga sedang meneliti langkah penambahbaikan lain seperti peluasan potongan cukai atau rebat kepada ibu bapa dan pengusaha taska.

Reaksi tersebut susulan laporan Sinar Harian menerusi laporan khas sebelum ini yang mendedahkan, sektor asuhan awal kanak-kanak negara berdepan krisis apabila 35 hingga 40 peratus pengusaha taska berdaftar di negara ini menamatkan perkhidmatan menjaga bayi di bawah usia setahun.

Lebih membimbangkan, peningkatan kos operasi taska melambung tinggi saban tahun serta risiko pengenaan hukuman berat akibat peraturan ketat menyebabkan 15 hingga 25 peratus taska kini mempertimbang penutupan operasi.

Pemandu e-hailing, Khairul Afnan Abd Jalal, 36, pula berpandangan, meskipun mengakui bantuan tunai secara terus akan lebih bersasar, subsidi kepada taska juga perlu dipertimbangkan agar kadar yuran yang dikenakan lebih seimbang.

Katanya, kerajaan wajar menetapkan syarat-syarat tertentu seperti kawalan harga maksimum untuk melayakkan taska menerima subsidi yuran.

"Jadi, pihak taska tak boleh sesuka hati letak harga yuran yang melampau sebab akhirnya ibu bapa juga yang kena tanggung yuran yang makin mahal.

"Subsidi terus kepada golongan yang layak juga perlu diteruskan," katanya.

Bagi pekerja swasta, Mahzura Ramli, 37, yang baru melahirkan anak pertama Jun lalu, penyaluran subsidi kerajaan amat dialu-alukan memandangkan kadar yuran taska untuk penjagaan anaknya bermula Oktober depan adalah sebanyak RM850 sebulan.

Justeru dia berharap kerajaan dapat melaksanakan insentif tersebut menerusi Belanjawan 2026.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JHEAINS akan bantu urus jenazah dua kanak-kanak lemas selepas kenal pasti status agama

Nasional - Dicipta: 06 September 2025 01:38 PM



FOTO BERNAMA

SEREMBAN, 6 September - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) sedang menjalankan semakan bagi menentukan status agama dua kanak-kanak lemas, selepas kenderaan dinaiki mereka menggelongsor ke dalam Sungai Linggi di Tanjung Agas, Port Dickson pada Khamis.

Pengarahnya Mohd Asri Abdullah berkata setelah selesai pengesahan status agama Islam dua kanak-kanak itu, pihaknya akan menguruskan jenazah dua kanak-kanak itu.

Mohd Asri berkata pihaknya menerima permohonan daripada pihak polis untuk semakan status agama dua kanak-kanak itu, namun tiada rekod pengislaman di Kelantan seperti dimaklumkan bapa kanak-kanak itu.

"Bapa kanak-kanak itu memaklumkan bahawa pengislaman dilakukan di Kelantan, tetapi semakan di jabatan agama di sana tidak menemukan sebarang rekod, hasil semakan di negeri ini juga sama, tiada rekod berhubung pengislaman dua kanak-kanak itu.

"Pihak kami bergantung kepada pengakuan ibu bapa kandung berhubung status agama kanak-kanak ini, mereka perlu membuat laporan polis berkenaan status agama dan ini akan digunakan sebagai kebenaran untuk menguruskan jenazah tersebut," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Media sebelum ini melaporkan Ketua Polis Negeri Sembilan Datuk Alzafny Ahmad berkata pihaknya menerima maklumat daripada orang awam berhubung sebuah kereta jenis Nissan terjatuh ke dalam sungai Tanjung Agas, dengan kanak-kanak lelaki dan perempuan di dalamnya, pada 11.45 pagi, 4 Sept.

Beliau berkata siasatan mendapati kanak-kanak tersebut masing-masing berumur enam dan lapan tahun yang beralamat di Shah Alam, Selangor, dipercayai lemas akibat terperangkap di dalam kenderaan.

Semalam, Alzafny turut melaporkan seorang lelaki berusia 46 tahun dipercayai bapa kanak-kanak itu dan teman wanitanya 41 direman tujuh hari bermula semalam, bagi membantu siasatan berhubung kematian dua kanak-kanak tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Media turut melaporkan tiada ahli keluarga atau waris hadir di Unit Forensik Hospital Port Dickson ketika proses bedah siasat mangsa semalam. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bekas suami isteri saling menuduh dera, larikan anak

Oleh Zulhisham Isahak - 6 September 2025



Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner M. Kumarasan

ISKANDAR PUTERI – Sepasang suami isteri yang sudah berpisah saling tuduh menuduh dengan masing-masing membuat dakwaan termasuk membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner M. Kumarasan berkata, pihaknya menerima laporan polis daripada pasangan terbabit bulan lalu dengan dakwaan mencederakan dan melarikan anak.

“Polis mengesahkan ada menerima laporan daripada bekas suami kepada wanita berusia 37 tahun itu yang melaporkan bahawa anak mereka iaitu kanak-kanak perempuan berumur tujuh tahun mengalami cedera semasa di bawah jagaan ibunya pada 23 Ogos lalu.

“Seterusnya wanita berkenaan pula membuat laporan bahawa anak perempuannya itu telah dibawa bekas suami dari Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru pada 29 Ogos lalu,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, siasatan berhubung kes tersebut sedang dijalankan bawah seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001.

Jelasnya, pada peringkat ini pihak pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru memberi kebenaran kanak-kanak tersebut discaj kepada bapa kandung.

Menurutnya, ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut masih lagi dalam proses membuat tuntutan hak penjagaan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur.

Terdahulu tular dalam aplikasi TikTok yang memaparkan seorang wanita mendakwa bekas suaminya melarikan anak mereka dari Johor ke Kuala Lumpur hingga anak terabai sekolah.

Wanita itu juga mendakwa bekas suaminya membuat laporan polis palsu dan JKM sudah tiada unsur penderaan.- MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita ditipu bomoh, dipaksa hantar video seks dan rugi RM103,000



Oleh . KHAIRULMIZAN YAHYA 6 September 2025, 118 pm

ROMPIN: Seorang ibu tunggal bukan sahaja kerugian RM103,000 malah dipaksa melakukan hubungan seks dengan seorang lelaki, beronani dan merakam aksi ranjang itu untuk dihantar kepada seorang bomoh palsu yang dikenalnya melalui aplikasi mencari jodoh.

Mangsa berusia 51 tahun dari Terengganu itu pada mulanya berkenalan dengan suspek melalui aplikasi Omi pada 1 September lalu sebelum berhubung menerusi Telegram.

Ketua Polis Daerah, Superintenden Sharif Shai Sharif Mondoi berkata, suspek mendakwa mangsa terkena buatan orang dan memerlukan rawatan mistik.

"Suspek mengarahkan mangsa menggenggam telur dan garam sebelum meletakkannya di dalam bilik. Mangsa mendakwa telah dipukau sehingga menunjukkan barang-barang kemas miliknya," katanya di sini, hari ini.

Menurut beliau, pada 3 September kira-kira pukul 10.30 pagi, mangsa menjual empat utas gelang tangan emas bernilai RM71,350 di sebuah kedai emas di Cukai, Kemaman, Terengganu.

"Mangsa kemudian diarahkan menyerahkan wang tunai berjumlah RM71,000 bersama seutas rantai emas anggaran berat 80 gram dengan meletakkannya di kawasan longkang bawah pokok di Felcra Bukit Serok, Kota Bahagia di sini," katanya.

Sharif Shai berkata, suspek memperdaya mangsa dengan alasan wang berkenaan 'ghaib' dan dikembalikan semula dalam tempoh tiga hingga 14 hari.

"Suspek turut mengarahkan mangsa membuat rakaman video melakukan hubungan seks dengan seorang lelaki, beronani serta menghantar video terbabit beserta gambar bogel. Semua bahan tersebut diserahkan mangsa pada 4 September," katanya.

Beliau berkata, pada 5 September kira-kira pukul 6 pagi, mangsa kembali ke lokasi barangan ditinggalkan tetapi mendapati barang berkenaan tiada di situ seperti dijanjikan.

"Akibat kejadian itu, mangsa mengalami kerugian wang tunai dan barangan kemas miliknya dengan nilai keseluruhan berjumlah RM103,000," katanya yang memberitahu kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu. –

UTUSAN